

Bijak ambil peluang disediakan untuk rakyat

8H 29/4/2010 T7

GRADUAN lepasan IPT yang masih menganggur sewajarnya menyahut seruan kerajaan dengan mengaplikasikan kemahiran perniagaan dalam pakej keusahawanan yang disediakan kerajaan selepas ini.

Menurut Aiensyah Alam Shah, 26, graduan seharusnya bijak mengambil peluang yang disediakan kerajaan kerana peluang pekerjaan bukan hanya terhad kepada sektor awam atau swasta sahaja.


"Memandangkan keadaan ekonomi sekarang kurang stabil kebanyakan majikan akan memilih graduan yang betul-betul layak dan menuhi kriteria sahaja untuk bekerja dengan mereka.

"Oleh itu, graduan perlu pandai mencari alternatif lain dengan memilih keusahawanan sebagai cabang pekerjaan kerana ia juga memberi satu keuntungan besar jika berjaya dilaksanakan dengan baik," katanya.

Sementara itu, Wan Nor Azlina Abdul Ghani, 27, berkata, idea dari Kementerian Sumber Manusia untuk menyediakan pakej kursus keu-



● AIENSYAH ALAM SHAH



● WAN NOR AZLINA ABDUL GHANI

sahawan adalah pendekatan terbaik kerana ia bukan hanya membantu usahawan mendapatkan kerja malah meningkatkan ekonomi negara.

"Saya percaya dengan pengalaman dan pembelajaran yang diperoleh oleh graduan semasa menuntut di universiti bakal menjadi asas dan batu loncatan untuk mengenali dunia perniagaan secara lebih mendalam."

"Sekurang-kurangnya mereka boleh menunjukkan bakat dan kelebihan yang ada dalam diri mereka tanpa bergantung pada bekerja makan gaji sahaja," katanya.



● AZIZ DERAMAN